



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3
Tarikh : 26 Oktober 2019

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENYEDIAAN BAJET OPERASI UNIVERSITI BAGI TAHUN 2020

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeling penyediaan bajet operasi Universiti bagi tahun 2020 seperti di lampiran ini dikeluarkan untuk makluman dan rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTj). Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

NORINI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2019

PENYEDIAAN BAJET OPERASI UNIVERSITI BAGI TAHUN 2020

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memberi panduan penyediaan bajet kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi tahun kewangan 2020.

LATAR BELAKANG

2. Dalam Tahun 2020, Universiti sekali lagi dijangka akan menghadapi urusan bajet yang ketat berikutan polisi penyaluran Geran Kerajaan yang amat terhad. Oleh itu, Universiti harus menyediakan bajet yang berimbang untuk memastikan Universiti dapat terus beroperasi.

3. Dengan hanya 90% peruntukan emolumen dibiayai melalui geran kerajaan maka peruntukan 10% emolumen dan keseluruhan bukan emolumen perlu dibiayai melalui sumber dalaman. Penjanaaan sumber dalaman yang diusahakan dalam tahun 2019 perlu ditingkatkan lagi sehingga mencapai sasaran 30% dari keseluruhan perbelanjaan yang diluluskan menjelang 2020 (2018: 19.7%).

4. Rizab mengurus Universiti dijangka akan defisit bagi tahun berakhir 2019 memandangkan polisi penyaluran geran kerajaan telah dihadkan hanya untuk menampung 90% emolumen dan sumber dalaman masih belum berupaya menampung kekurangan peruntukan.

5. Selaras dengan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Universiti, PTj perlu mengambil pendekatan berkaitan dengan konsep dan komponen kos yang terlibat dalam mengurus operasi PTj masing-masing. Adalah penting bagi memastikan PTj dapat memahami bahawa Universiti membelanjakan kos terpusat yang diperuntukkan di dalam jabatan perkhidmatan tertentu tanpa dicaj terus kepada PTj secara langsung. Terdapat 2 kategori kos operasi yang perlu difahami iaitu:-

5.1. **Kos Langsung** bermaksud kos yang boleh dikenalpasti secara terus kepada sesuatu aktiviti/ program di PTj contohnya gaji pensyarah, perbelanjaan bahan pakai habis dan perjalanan sesuatu aktiviti/ program di PTj.

5.2. **Kos Tak Langsung** bermaksud sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada aktiviti/ program tetapi merupakan kos yang ditanggung oleh Universiti bagi membolehkan aktiviti/ program tersebut dapat dijalankan. Antara kos yang berkaitan ialah perbelanjaan utiliti, rawatan perubatan, khidmat keselamatan dan perpustakaan yang dipusatkan di bawah pengurusan PTj tertentu.

6. Penyediaan bajet 2020 akan mengambilkira pelaksanaan konsep **Zero Based Budgeting (ZBB)** sebagai pengukuhan kepada pendekatan **Outcome Based Budgeting (OBB)**. Di bawah konsep ZBB, semua program termasuk penilaian ke atas kos dan skop kontrak sedia ada perlu dinilai semula dari segi keberkesanan dan prestasi bagi mengoptimumkan peruntukan Universiti.

7. Justeru, penyediaan bajet PTj bagi tahun 2020 hendaklah menumpu kepada *core business* dan sumbangan PTj kepada Universiti dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 7.1. Semakan semula Program-Aktiviti
- 7.2. Semakan semula penyampaian program
- 7.3. Kajian kos dan skop kontrak perkhidmatan/ pembekalan
- 7.4. Penelitian terhadap kewujudan dan fungsi organisasi serta perjawatan

8. Peranan dan akauntabiliti pengurus program/ aktiviti diukur melalui output yang dikeluarkan. Sasaran pendapatan tahunan juga hendaklah berdasarkan kepada bilangan output yang dipersetujui. Sebarang ketidakcapaian akan memberi kesan bajet PTj bagi tahun berikutnya.

PELAKSANAAN

9. **Pencapaian Keberhasilan Utama Universiti dan Pelan Strategik UKM 2019-2021**

9.1. Melalui Bicara Perdana Naib Canselor pada 10 April 2019, Naib Canselor memperkenalkan Pelan Strategik UKM 2019-2021. Oleh itu, PTj perlu mengambil kira segala kos dan aspek dalam penyediaan bajet supaya dapat menyokong aktiviti utama Universiti.

9.2. Berdasarkan prestasi penjanaaan pendapatan bagi suku kedua tahun 2019, pendapatan yang dijana bagi Fakulti, Institut dan Kolej Kediaman berada pada tahap yang masih rendah berbanding kos operasi yang tinggi. Pada tahun 2018, peruntukan Kumpulan Wang Mengurus/ Hasil Universiti hanya mencapai sasaran sebanyak 92% iaitu RM138 juta (2017: 97% atau RM146 juta) berbanding sasaran asal sebanyak RM150 juta. Justeru, PTj perlu mengenalpasti potensi dan bidang kepakaran masing-masing bagi membantu Universiti untuk menjana kewangan merealisasikan semua bidang keberhasilan utama UKM.

9.3. Perbelanjaan yang telah dibelanjakan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM701 juta (2017: RM692 juta) termasuk perbelanjaan emolumen. Perbelanjaan ini dibiayai oleh geran dan sumber dalaman pada tahun 2018 sebanyak RM685 juta (2017: RM613 juta). Oleh itu, PTj disarankan supaya mempertingkatkan hasil penjanaaan bagi memastikan sasaran pendapatan ini dapat dicapai. Setiap kos yang dibelanjakan perlu rasional dan mencapai matlamat asal perbelanjaan yang dibuat.

10. **Penyediaan Cadangan Bajet 2020**

10.1. Penyediaan bajet 2020 perlu disediakan secara komprehensif dengan mengambilkira semua kategori Kumpulan Wang dalam penyediaan bajet pendapatan dan perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Kumpulan Wang Hasil (KWH)
- ii. Kumpulan Wang Amanah (KWA)

10.2. PTj hendaklah menyediakan bajet seperti format yang telah diperkenalkan pada tahun 2016. Format ini sentiasa ditambahbaik dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

10.2.1. Pendapatan

- i. Memastikan anggaran pendapatan yang disediakan adalah munasabah dan mampu dicapai oleh PTj berdasarkan aktiviti penjanaaan sedia ada atau baru. PTj hendaklah merujuk kepada Laporan Pengurusan PTj dalam menyediakan anggaran tersebut.
- ii. Pemberian galakan kepada PTj melalui agihan hasil boleh agih berdasarkan Dasar Penjanaaan UKM bagi sebarang aktiviti penjanaaan yang diluluskan.

10.2.2. Perbelanjaan

- i. Mengambil kira perbelanjaan emolumen yang ditampung melalui Geran Kerajaan berdasarkan vot yang telah diluluskan dan non-emolumen dibiayai melalui sumber dalaman.
- ii. Kerja-kerja menaiktaraf dan pembelian peralatan baru tidak digalakkan melainkan terdapat keperluan yang kritikal dan justifikasi yang kukuh.
- iii. Perjalanan ke luar negara adalah **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan bajet KWH.
- iv. Pembelian aset perlu menggunakan sumber lain seperti Tabung Amanah atau Penyelidikan dan hendaklah juga mengambil kira kos penyelenggaraan aset yang dibeli.
- v. Sebarang penganjuran sanggar kerja atau bengkel bersifat pengukuhan pasukan adalah **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan bajet KWH.
- vi. PTj perlu mengemukakan unjuran perbelanjaan bagi Tabung/Akaun Amanah bagi tempoh dua (2) tahun dalam membantu membiayai sebahagian kos operasi PTj.
- vii. Penyediaan dan perancangan bajet melalui semua sumber kumpulan wang yang dinyatakan seperti di perenggan 11.1.
- viii. Merancang perbelanjaan sehingga akhir tahun kerana peruntukan tambahan sukar dipertimbangkan.

10.3. Anggaran bajet ini tidak termasuk bajet pembangunan di bawah Rancangan Malaysia. Keperluan bajet ini perlu disediakan secara berasingan.

10.4. Bagi keperluan segera atau keperluan yang tiada di dalam perancangan tahunan, PTj perlu mengemukakan permohonan tersebut kepada Jabatan Bendahari tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Bajet.

10.5. Semua PTj hendaklah mengemukakan cadangan melalui format seperti di lampiran iaitu, **Lampiran 1 Anggaran Bajet UKM Tahun 2020 dan Lampiran 2 Anggaran Bajet Amanah & Penyelidikan Tahun 2020**. Lampiran ini akan diserahkan

secara *softcopy* melalui email kepada pegawai bertanggungjawab di PTj dan harus dilengkapkan sepertimana yang dikehendaki. Panduan dan kaedah penyediaan juga dinyatakan di dalam lampiran tersebut.

11. Peruntukan Emolumen Kakitangan Tetap Dan Kontrak

11.1. Keperluan peruntukan emolumen bagi setiap PTj untuk jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diselaraskan berdasarkan waran perjawatan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM. Segala perancangan pengambilan dan pengisian perlu diselaraskan berdasarkan vot perjawatan yang diluluskan. Peruntukan emolumen ini akan dibiayai oleh geran kerajaan sebagai Dasar Sedia Ada UKM dan diagihkan kepada setiap PTj seperti amalan sebelum ini. Jika berlaku kekurangan geran kerajaan, jumlah ini akan dibiayai sepenuhnya dari KWH.

11.2. Memandangkan Geran Kerajaan tidak dapat menampung kakitangan kontrak, kos emolumen kakitangan kontrak perlu dibiayai oleh sumber dalaman. Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar hendaklah menyelaras dan menyediakan anggaran peruntukan kakitangan kontrak yang diperlukan untuk semua PTj.

11.3. Lantikan sedia ada perlu dikaji semula dan lantikan baru hendaklah berdasarkan kemampuan kewangan Universiti.

12. Peruntukan Berpusat

12.1. Keperluan peruntukan yang dipusatkan kepada Universiti dan PTj perkhidmatan adalah seperti berikut:-

12.1.1. Peruntukan Universiti

- i. dikawal oleh Jabatan Bendahari terdiri daripada perbelanjaan utiliti, Majlis konvokesyen, Insuran dan cukai dan pelbagai caj-caj lain.
- ii. dikawal oleh Jabatan Pendaftar ialah perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negeri (cuti belajar).
- iii. Peruntukan Prasarana-UKM terdiri daripada perbelanjaan kontrak pencucian, kerja-kerja penyelenggaraan, awam dan elektrik.
- iv. Peruntukan Pusat Teknologi Maklumat diperuntukkan untuk sewaan komputer, penyelenggaraan sistem dan perkhidmatan wifi.

- v. Peruntukan Jabatan Pendaftar memperuntukkan perbelanjaan sewaan kenderaan, rawatan perubatan, pakaian seragam, kontrak keselamatan luar kampus, bayaran elaun dan urusan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

12.2. PTj yang menerima peruntukan berpusat ini hendaklah meletakkan keutamaan kepada pembayaran yang mempunyai kontrak bermasa dan keperluan kritikal.

12.3. Permohonan daripada PTj bagi menggunakan peruntukan Universiti hendaklah disertakan dengan minit kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) atau LPU.

13. **Pengagihan Kos Utiliti, Penyelenggaraan & Rawatan Perubatan**

13.1. PTj yang telah dilengkapi dengan meter elektrik dan air akan diagihkan peruntukan utiliti dan dikenakan caj dengan kos sebenar.

13.2. Kos penyelenggaraan akan diagihkan kepada PTj mengikut asas tertentu.

13.3. Kos rawatan perubatan diagihkan berdasarkan bilangan staf dan dicaj dengan kos sebenar.

14. **Rancangan Perolehan Dan Pengurusan Kontrak Bermasa**

14.1. Untuk memastikan perolehan diuruskan dengan baik dan bekalan barang, perkhidmatan dan kerja dapat diperolehi dalam tempoh masa yang dikehendaki, PTj hendaklah menyediakan **perancangan perolehan** seperti di **Lampiran 3**.

14.2. PTj hendaklah memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak termasuklah penyelenggaraan dan sewaan serta kerja yang lain disediakan peruntukan yang secukupnya. Sehubungan itu, PTj perlu melengkapkan **senarai kontrak** seperti di **Lampiran 4**.

15. **Jadual Penyediaan Bajet 2020**

Jadual perancangan bagi penyediaan bajet ini adalah sepertimana yang ditetapkan di **Lampiran 5 Jadual Penyediaan Bajet 2020**.

PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTj di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur (tidak termasuk PTj yang menjalankan perkhidmatan operasi di HCTM dan HPKK). Entiti yang dikelaskan di bawah KW Enterprise seperti Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) dan UKM-GSB juga perlu menyediakan bajet tahunan secara berasingan dan akan dibawa sebagai bajet komprehensif Universiti untuk kelulusan Jawatan Kuasa Tetap Kewangan (JKTK).

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **25 OKTOBER 2019**.

RUJUKAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama **Pekeliling Bendahari Bil. 9/2018 Penyediaan Bajet Universiti bagi Tahun 2019** sebagai asas dan panduan penyediaan bajet ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari di talian 03-89215110/ 5098 atau email ke bajetbend@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



Bil.	Program/Aktiviti	Sebelum 2019	Anggaran Diluluskan 2020	Pencapaian Perolehan Sehingga Oktober 2019	Anggaran Dicalonkan/ Dipohon 2020		Anggaran Diluluskan 2020		JUMLAH
					KW HASIL / MENGURUS		KW HASIL		
					Program Asas/Sedia Ada	Program Baru Penajaan/SBU	Program Asas/Sedia Ada	Program Baru Penajaan/SBU	
1	YURAN PENGAJIAN a. Yuran Pendaftaran b. Yuran Perkhidmatan c. Yuran Pengajian								
3	SEWAAN								
3.1	H742246 - Perkhidmatan Makmal dan Peralatan a. Perkhidmatan Analisis b. Pelbagai Ujian								
3.2	Sewaan Kemudahan/Ruang/Peralatan a. Hasil Ruang b. Hasil Dewan/Bilik								
4	JUALAN BARANG & PERKHIDMATAN a. H73101 - Jualan Buku b. H73203 - Jualan Bahan Kitar Semula								
5	DENDA & GANTIRUGI a. H76101 Denda Kolej Kediaman b. H76102 Kakiangan Langgar Ikatan Perjanjian Cuti Belajar UKM c. H76113 Denda Lewat Bekal								
6	PENAJAAN a. Endowed Professor b. Aset dan Peralatan c. Kursus dan Seminar								
JUMLAH PENDAPATAN									
KOS LANSUNG									
EMOLUMEN									
B10000 - Emolumen Kakitangan Tetap									
B29300 - Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan (One Off)									
B29300 - Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan (Peruntukan PTJ)									
BUKAN EMOLUMEN									
B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri									
B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri									
B23100 - Perhubungan									
B24100 - Sewaan									



PTJ: (Fakulti/Pusat/Institut)

Bil.	Program/Aktiviti	sebenar 2019	Anggaran Diluluskan 2020	Pencapaian Pendapatan Sehingga Oktober 2019	Anggaran DiCadangkan/ Dipohon 2020		Anggaran Diluluskan 2020		JUMILAH
					KW-HASIL / MENGURUS		KW-HASIL		
					Program Asas/Secila-Ada	Program Baru Penjanaam/SBU	Program Asas/Secila-Ada	Program Baru Penjanaam/SBU	
B27100	- Bekalan Pakai Habis								
B27200	- Bekalan Pengajaran								
B27300	- Bekalan Bahan Perpustakaan								
B27400	- Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan								
B27500	- Bekalan Pakaian								
B27900	- Inventori								
B28100	- Penyelenggaraan Bangunan (Selain Pencucian Kecuali Kolej)								
B28200	- penyelenggaraan kemudahan/fasiliti								
B29100	- Perkhidmatan yang dibeli								
B29200	- Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid								
B29400	- Keraihan & Honorium								
B42100	- Kegiatan Mahasiswa								
B52100	- Lain-lain Perbelanjaan								
A35100	- Pembelian Harta Modal								
JUMILAH PERBELANJAAN LANGSUNG									
KOS TIDAK LANGSUNG									
BUKAN EMOLUMEN									
B23201	- Utiliti Bil Elektrik								
B23202	- Utiliti Bil Air								
B29100	- Perkhidmatan Yang Dibeli (Rawatan Perubatan)								
JUMILAH PERBELANJAAN TIDAK LANGSUNG									
LEBIHAN/(KURANGAN) TANPA EMOLUMEN									
LEBIHAN/(KURANGAN)									

JUMLAH AMANAH DAN PENYELIDIKAN PTJ

BIL	KOD	BAKI AWAL	UNJURAN PENDAPATAN 2020	UNJURAN PERBELANJAAN 2020	BAKI AKHIR
1	Jumlah TPU	-	-	-	-
2	Jumlah TKS	-	-	-	-
3	Jumlah AKU	-	-	-	-
4	Jumlah TKE	-	-	-	-
5	Jumlah AAP				-
	Jumlah Amanah	-	-	-	-
6	Penyelidikan				
	JUMLAH KESELURUHAN				



LAMPIRAN 3

PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2020

NAMA PTJ : _____
NAMA SUB-PTJ : _____

Bil.	Kumpulan Wang	Tajuk Perolehan	Jenis Perolehan Bekalan / Kerja / Perkhidmatan	Anggaran Kos (RM)	Jangkaan Pelawaan
1.	Hasil				
2.	Penyelidikan/Pembangunan				
3.	Amanah & Lain-lain				
JUMLAH KESELURUHAN					

**Perancangan mestilah berdasarkan prestasi kedudukan kewangan dan disusun mengikut keutamaan

LAMPIRAN 4

PERBELANJAAN KONTRAK BERMASA TAHUN 2020

NAMA PTJ : _____
NAMA SUB-PTJ : _____

Bil.	Keterangan Kontrak	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Komitmen Jan – Dis 2020 (RM)
JUMLAH KESELURUHAN				

LAMPIRAN 5

JADUAL PENYEDIAAN BAJET 2020

BIL.	PERKARA	TARIKH SASARAN	TINDAKAN
1.	Sesi Interaksi Bajet 2020 Bersama PTj	22 Oktober hingga 14 November 2019	a. Semua PTj b. Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari
2.	Penyediaan dan Penghantaran Unjuran Pendapatan dan Perbelanjaan PTj	15 November 2019	Semua PTj
3.	Mendapatkan Kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK)	Disember 2019	Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari
4.	Pemakluman Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	Disember 2019	Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari
5.	Agihan ke dalam sistem UFASt	30 – 31 Disember 2019	Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari